

YPKPMM bakal dibuka di Seremban

Bagi memudahkan orang ramai membuat aduan dari segi kepenggunaan

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Yayasan Pelindung Kebajikan Pengguna Masyarakat Malaysia (YPKPMM) akan membuka cawangan pertama di Seremban pada awal Mac ini.

Penasihat Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Shahar Al Yahya berkata, cawangan ini dibuka bagi memudahkan orang ramai membuat aduan dari segi kepenggunaan.

“Selama ini kita hanya beroperasi di ibu pejabat yang terletak di Cheras namun memikirkan keperluan serta permintaan masyarakat setempat, kita akan membuka cawangan pertama di Terminal 2, Seremban yang akan beroperasi sepenuhnya pada



Dr Shahar (dua dari kanan) bersama Nicole (empat dari kanan) semasa membuat pemantauan harga di Giant Senawang semalam.

awal Mac nanti.

“Kemudian cawangan seterusnya akan dibuka di Melaka dan kita menjangkakan akhir tahun ini YKPMM berjaya membuka cawangan di seluruh negara,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan Operasi Pemantauan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2020 di Pasar Raya Giant Senawang semalam.

Hadir sama, Exco Kebajikan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nicole Tan serta Presiden YKPMM, Datin Seri

Hafizah Md Diah.

Pada operasi pemantauan harga tersebut, seramai lapan anggota penguat kuasa dari Jabatan Kesihatan Daerah Seremban turut serta bagi menjalankan pemeriksaan di pasar raya berkenaan.

“Sebagai badan pengguna, pihak yayasan bertanggungjawab untuk memantau dengan menjadi mata serta telinga kepada kerajaan bagi menyebarluaskan maklumat berhubung kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang,” katanya.